

KUALA LUMPUR, 26 SEPT. (BERNAMA)—TAN SRI HAJI GHAZALI JAWI AKAN MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI BESAR, PERAK, AKHIR BULAN INI DAN AKAN DIGANTI OLEH ANGGOTA EXCO WAN MOHAMMED BIN WAN TEH.

DEMikian DIUMUMKAN OLEH PEMANGKU PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD, DI SATU SIDANG AKHBAR HARI INI.

KATANYA, MENTERI BESAR BARU WAN MOHAMMED AKAN MEMEGANG JAWATANNYA MULAI 1 OKTOBER SEHARI SELEPAS TAN SRI GHAZALI MELETAKKAN JAWATANNYA. —BERSAMBUNG 1548/MD

MENTERI BESAR 2 KUALA LUMPUR 'ا'ا'ا'

BELIAU BERKATA SULTAN PERAK TELAH BERKENAN DENGAN PERLATIKAN MENTERI BESAR BARU ITU DAN PERLETAKAN JAWATAN OLEH TAN SRI GHAZALI JAWI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI TELAH MENEMUI SULTAN PERAK DI ISTANA PERAK DI SINI SELAMA 30 MINIT BAGI MENYERAHKAN SURAT DARI PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN MENGENAI SUSUNAN BARU ITU.

BAGINDA SULTAN TELAH JUGA BERSETUJU DENGAN PERLANTIKAN SEORANG ANGGOTA DEWAN UNDANG NEGERI KAWASAN PENGKALAN BARU ENCIK MALEK BIN AHMAD SEBAGAI AHLI EXCO BAGI MENGGANTIKAN TEMPAT WAN MOHAMMAD.

MENURUT BELIAU BUAT MASA INI KEDUDUKAN TAN SRI GHAZALI JAWI SEBAGAI KETUA PERHUBUNGAN UMNO, DAN Pengerusi BARISAN NASIONAL NEGERI TIDAK TERJEJAS. —BERSAMBUNG 1604/MD

££

B582

MENTERI BESAR 3 KUALA LUMPUR 'ا'ا'ا'

KETIKA DITANYA SEMADA TAN SRI GHAZALI JAWI MELETAKKAN JAWATANNYA SECARA SUKARELA ATAU DESAKAN PARTI BELIAU BERKATA PERLETAKAN JAWATAN ITU +ADALAH DIPERSETUJUI OLEH SEMUA PIHAK+ BELIAU KEBERATAN MENGGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA PERUBAHAN ITU AKAN MENAMATKAN +KRISIS POLITIK DI PERAK+.

BELIAU MENERANGKAN, PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN ITU SEBELUM BELIAU BERLEPAS MELAWAT KE NEGERI JEPUN DAN AMERIKA. —BERSAMBUNG 1608/MD

££

B583

MENTERI BESAR 4 KUALA LUMPUR 'ا'ا'ا'

MENJAWAB PERTANYAAN, BELIAU BERKATA PIHAKNYA TERPAKSA MENGAMBIL MASA LAMA SEBELUM MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN KERANA SEBERANG TINDAKAN SECARA TERGESA-GESA AKAN HANYA MEMBAWA REAKSI YANG TIDAK BAIK.

+KITA TERPAKSA MENELITI SEDALAM-DALAMNYA SEBELUM MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN+ TAMBAH BELIAU.

MENURUT BELIAU BAKAL MENTERI BESAR BARU PERAK WAN MOHAMMAD SEKARANG BERADA DI CANADA DAN BELIAU BELUM DIBERITAHU TENTANG PERLANTIKAN ITU.

KATANYA, BELIAU TIDAK MENGUMUMKAN PERKARA ITU HARI SABTU LALU SELEPAS MENEMUI AHLI-AHLI EXCO SERTA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK, JAWATANKUASA UMNO PERHUBUNGAN NEGERI DAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL KERANA PERKARA ITU BELUM DISEMBAHKAN KEPADA SULTAN.

TURUT SERTA DI PERJUMPAAN ANTARA SULTAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TAJAH SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK, HAJI RADIN SOENARNO DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SHEIKH DAUD ISMAIL. —BERNAMA 1630/BY